



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM
TAHUN 2023**

**13 SEPTEMBER 2023 (RABU), 11.00 PAGI
PICC, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Datuk Seri

Sollehuddin Alyubi bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha

Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Datuk Haji

Rodzi bin Md Saad

Ketua Pengarah MAMPU,

Jabatan Perdana Menteri

**Selaku tuan rumah persidangan
pada hari ini,**

**Ketua-Ketua Setiausaha
Kementerian dan
Ketua-Ketua Jabatan**

**Wakil-wakil Agensi Kerajaan
Persekutuan, Kerajaan Negeri,
Badan Berkanun, Pihak
Berkuasa Tempatan, Universiti**

**Awam dan Institusi Pengajian
Tinggi.**

**Seterusnya para hadirin yang
saya kasihi sekalian,**

**Assalamualaikum WBT, Salam
Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI**

**Alhamdulillah, syukur ke hadrat
Allah SWT kerana dengan
limpahan rahmat dan inayahNya,
dapat kita bersama-sama dalam**

**Persidangan Digital Sektor
Awam (PDiSA) 2023 pada hari
ini.**

**2. Terlebih dahulu, saya ingin
merakamkan ucapan syabas dan
tahniah kepada Ketua Pengarah
MAMPU dan seluruh warganya
atas penganjuran persidangan
dwitahunan ini secara
kolaboratif bersama-sama rakan
strategik.**

3. Di kesempatan ini juga, saya mengalu-alukan dan merakamkan penghargaan kepada ahli panel perbincangan dan para pembentang kertas kerja atas kesudian melapangkan masa untuk berkongsi kepakaran dan pandangan tuan-tuan dan puan-puan bagi manfaat kita bersama.

4. Saya mengambil maklum bahawa persidangan kali ini

bertemakan “Pendigitalan Perkhidmatan Awam: Nadi Kesejahteraan Negara”. Tema ini amat bertepatan sekali dengan perkembangan semasa di mana YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 telah menggariskan salah satu daripada 17 Anjakan Besar ialah “Industri *High Growth High*

***Value* berasaskan Teknologi dan Digital”.**

5. Anjakan ini memerlukan komitmen kita semua warga perkhidmatan awam untuk mempercepatkan dan memperkasakan pendigitalan melalui konsep *Government Technology* atau GovTech.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Dunia global pada ketika ini sedang mengalami perubahan geo-politik dan ekonomi serta perkembangan teknologi yang sangat pantas, rencam dan tidak menentu. Realiti seperti ini telah digambarkan oleh seorang sarjana *Future Studies* kontemporari, Ziauddin Sardar, sebagai *Post-Normal Times*. Keadaan ini dikaitkan dengan pemikiran dan perbuatan yang masih di takuk lama dan biasa

atau kata lainnya konservatif dan konvensional.

7. Perubahan-perubahan

baharu ini menuntut kita memberi respons secara segera dan pantas atau *fast and furious*. *Fast*, kerana kita perlu selari dengan peredaran masa dan teknologi yang senantiasa dinamik. *Furious* pula bermaksud kita perlu pantas dan berani merebut peluang dan

menghadapi apa sahaja rintangan dan cabaran, seterusnya bertindak melakukan islah (penambahbaikan) dan tajdid (pembaharuan) secara strategik, pragmatik dan realistik.

NEW NORMAL, NEW MIND AND NEW STRATEGY

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Perkhidmatan awam dan para penjawat awam yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan dan pelaksanaan dasar Kerajaan, memainkan peranan utama dalam menjajar semula sistem penyampaian perkhidmatan melalui dasar yang mudah cara dan konstruktif.

9. Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri

**Malaysia ke-2 pernah menyebut
“...in a true democracy, the civil
servants have a duty to perform.
The future of our country’s
democratic way of life is
dependant on you”.**

**10. Penjajaran dasar-dasar
Kerajaan ini memerlukan setiap
pemimpin dalam perkhidmatan
awam bertindak secara
bijaksana dalam merangka
strategi yang komprehensif dan**

membuat sebarang keputusan. Anjakan demi anjakan yang berlaku begitu pantas memerlukan keputusan yang dibuat mengambil kira keadaan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah yang telah saya sebutkan di awal tadi dan melaksanakan inovasi, menerusi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

11. Bagi mendepani cabaran semasa dan mendatang, penjawat awam perlu menyemarakkan budaya inovasi dan meningkatkan kreativiti dalam R&D agar kita bukan sekadar “menyediakan” perkhidmatan sebaliknya “menawarkan” perkhidmatan yang terbaik dan yang bersifat problem solving (penyelesaian masalah) kepada rakyat.

12. Pendekatan Norma Baharu Penyampaian Perkhidmatan Awam (NBBPA) juga telah digunakan sebagai salah satu usaha untuk menyesuaikan pelaksanaan dasar agar sasaran yang diinginkan dapat dicapai dengan mengatasi “gangguan” atau dalam Bahasa Inggerisnya “gap” dan “disruption” dalam penyampaian perkhidmatan.

13. Kendatipun begitu, kita perlu sedar bahawa perkhidmatan awam yang terbaik tidak hanya bergantung kepada keupayaan dan kecekapan manusia yang mentadbir dan menguruskannya mahupun dokumen dasar, panduan dan Standard Operating Procedure (SOP) semata-mata, tetapi juga pada teknologinya yang *cutting-edge* atau canggih, memudahkan dan

menjimatkan masa serta tenaga.

14. Di sinilah terletaknya kepentingan dan peranan teknologi digital sebagai pemangkin yang mendukung setiap pembaharuan yang dirangka dan pelaksanaan yang merentasi segenap lapisan masyarakat.

PENDIGITALAN PEMANGKIN PEMODENAN PERKHIDMATAN AWAM

Para hadirin sekalian,

**15. Kita kini berada dalam era
Revolusi Perindustrian Keempat
(4IR), di mana kemunculan
teknologi baharu seperti
Metaverse, Blockchain,
Kecerdasan Buatan (AI),
Machine-to-Machine (M2M) dan**

Internet-of-Everything (IoE) telah mengubah cara dunia beroperasi. Dalam hal ini, selaku penyedia dan penyampai perkhidmatan kepada rakyat, kita tidak boleh ketinggalan. Kita harus dan perlu bergerak pantas agar sentiasa berjalan seiring dengan dunia sekeliling kita yang sentiasa dinamik.

16. Impak daripada teknologi AI digambarkan oleh Ketua

Pegawai Eksekutif Google, Sundar Pichai sebagai sesuatu yang "lebih penting daripada api atau elektrik" terhadap tamadun manusia. Ekosistem dan platform perkhidmatan berasaskan AI yang ditawarkan akan terus menjadikan perkhidmatan lebih mudah diakses dan menjangkau permintaan pengguna yang menjanjikan kemungkinan tanpa kesudahan (endless

possibilities) dalam kehidupan sehari-harian manusia.

17. Berdasarkan Laporan “Global Artificial Intelligence Study - Sizing the Prize” oleh PricewaterhouseCoopers, teknologi AI berpotensi untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga 26% untuk tempoh 10 tahun akan datang. Ini merupakan antara potensi besar yang bakal

diraih daripada pendigitalan yang mampu membantu pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka masa panjang.

18. Sebagai persediaan kita dalam menghadapi realiti baharu ini, Kerajaan telah merangka dasar-dasar yang menyediakan ekosistem serta menyokong pemerkasaan pendigitalan seperti Dasar 4IR

Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Usaha ini digerakkan melalui Kluster Kerajaan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara yang menerajui inisiatif untuk memacu pendigitalan dalam sektor awam.

19. Dasar-dasar ini penting sebagai penentu hala tuju dengan menggariskan strategi

dan inisiatif serta menetapkan sasaran bagi membina asas dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital, sekaligus merapatkan jurang digital untuk memastikan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dengan memanfaatkan teknologi dan memastikan persekitaran kondusif yang membolehkan lebih banyak inovasi teknologi terhasil.

**20. Semasa melancarkan
gagasan baharu Ekonomi
MADANI: Memperkasa Rakyat
baru-baru ini, Yang Amat
Berhormat Perdana Menteri
telah menegaskan bahawa
Kerajaan akan memulakan
revolusi digital dengan
memudah cara penyampaian
perkhidmatan melalui
pemanfaatan sepenuhnya
agenda pendigitalan ke tahap
tertinggi. Ini adalah satu “tall**

order” yang menjadi pendorong kepada usaha memecut agenda pendigitalan yang telah direncanakan.

21. Bagi merealisasikan iltizam ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan agar GovTech Malaysia diwujudkan untuk memperhebat revolusi digital yang akan meningkatkan keupayaan Kerajaan ke arah

meningkatkan kualiti data awam, inovasi awam serta perkhidmatan awam secara lebih holistik. GovTech merupakan pendekatan “Whole of Government” dalam pemodenan sektor awam yang menekankan kepada tiga (3) aspek iaitu (i) berpaksikan rakyat; (ii) akses universal kepada perkhidmatan kerajaan; dan (iii) pendekatan keseluruhan Kerajaan terhadap transformasi

kerajaan digital yang dipelopori oleh Bank Dunia.

22. Usaha ini sudah pasti memberi kesan positif kepada *GovTech Maturity Index (GTMI)* yang mula diperkenalkan pada tahun 2020 melibatkan 198 negara. Berdasarkan Laporan *GovTech Maturity Index, 2022 Update: Trends in Public Sector Digital Transformation*, Malaysia dikategorikan dalam kumpulan

“A” atau “GovTech Leaders” yang berada dalam kumpulan indeks “Sangat Tinggi”.

23. Indeks ini sudah pasti akan menjadi penanda aras oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kompetensi negara dari perspektif pendigitalan. Saya berharap seluruh warga Perkhidmatan Awam telah bersedia membuka tangan,

**menerima cabaran ini dan
sentiasa berusaha untuk
menempatkan Malaysia di
pentas dunia sebagai peneraju
pendigitalan penyampaian
perkhidmatan kerajaan.**

LANGKAH KE HADAPAN PENDIGITALAN NEGARA

Para hadirin sekalian,

24. Evolusi internet yang berkembang pesat telah banyak merubah kualiti kehidupan kita. Berdasarkan Indeks Kualiti Kehidupan Digital (Digital Quality of Life Index – DQL 2022), Malaysia berada di kedudukan ke-6 di Asia, di belakang Singapura yang menduduki tempat ke-4. Ini merupakan satu pencapaian yang baik dan menunjukkan perkembangan ini banyak memberi perubahan

secara langsung kepada pelbagai sektor termasuklah sektor awam.

25. Kemunculan teknologi baharu (emerging technology) tidak boleh kita sangkal, terutamanya jika membabitkan penggunaan pelbagai medium teknologi untuk mempercepat dan memudahkan urusan rakyat serta meningkatkan kualiti kehidupan. Rakyat kini bukan

sahaja boleh mendapatkan maklumat daripada sumber internet menggunakan enjin pencarian seperti Google, malah boleh menggunakan aplikasi kecerdasan buatan seperti ChatGPT yang lebih mudah dan berstruktur berbanding enjin pencarian biasa. Saya berharap Perkhidmatan Awam dapat seiring dan sejalan dengan perkembangan semasa dalam

**memperkasa sistem
penyampaian perkhidmatan.**

**26. Oleh yang demikian,
besarlah harapan saya agar
medan Persidangan pada hari ini
menjadi pemboleh daya
(enabler) dan pemangkin
(catalyst) kepada usaha-usaha
ke arah merealisasikan hasrat
kerajaan untuk
mengarusperdanakan
pendigitalan dalam**

memodenkan pentadbiran awam. Kita berharap dengan input yang diperoleh dari persidangan ini berupaya mengangkat martabat Perkhidmatan Awam Malaysia menjadi lebih dinamik, inovatif dan berdaya saing bagi mendepani pelbagai tantangan dan rintangan, semasa dan masa depan, di peringkat nasional dan global, selaras dengan usaha

**kerajaan untuk melonjakkan
tahap daya saing negara.**

PENUTUP

**Para hadirin yang dihormati dan
dirahmati sekalian,**

**27. Saya amat berharap agar
setiap Ketua Jabatan serta
seluruh penjawat awam dapat
melipatgandakan usaha-usaha
penambahbaikan (islah) dan**

pembaharuan (tajdid) dalam perkhidmatan awam dan negara.

28. Semua agensi Kerajaan juga perlu memberi penekanan kepada aspek pemantauan dan penyelesaian masalah melalui penetapan tata kelola yang terbaik seperti yang sering disarankan oleh YAB Perdana Menteri.

29. Pada kesempatan ini juga, sukacita saya ingin menarik perhatian semua, mulai tahun ini, Program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (atau ringkasnya AIPSA) akan dianjurkan selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2023: Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam. Program

AIPSA ini bermatlamat untuk membudayakan inovasi dalam sektor awam dan saya amat berharap untuk melihat pembudayaan inovasi ini dilaksanakan secara meluas dalam sektor awam.

30. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan persetujuan untuk menyempurnakan Majlis Penganugerahan AIPSA pada 7

November 2023 nanti. Bersama-sama kita nantikan agensi mana yang bakal membawa pulang ganjaran wang tunai sebanyak RM1 juta dan juga trofi selaku penerima utama AIPSA tahun 2023.

31. Semoga inisiatif dan sinergi antara agensi seperti ini dapat menyemarakkan lagi semangat penjawat awam untuk terus beristiqamah dan beriltizam

dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti, kepantasan dan profesional.

32. Sebagai penutup ucapan, saya sekali lagi ingin merakam ucapan terima kasih dan syabas kepada MAMPU dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Digital Sektor Awam 2023 ini.

**33. Dengan lafaz suci Bismillahir
Rahmanir Rahim, saya dengan
sukacitanya merasmikan
Persidangan Digital Sektor
Awam 2023.**

**Sekian. Wabillahitaufiq wal
hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**